

Perbandingan seni kaligrafi Arab: kajian di masjid-masjid di Sabah

ABSTRACT

Seni kaligrafi Arab merupakan warisan khazanah Islam yang sangat berharga dan bernilai. Sejarah telah membuktikan perkembangannya seiring dengan perkembangan tamadun Islam. Seni kaligrafi juga dikenali sebagai seni khat. Mengikut perspektif masyarakat Islam, khat ialah tulisan yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia berikutan hubung kaitnya dengan ayat al-Quran. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan jenis-jenis kaligrafi Arab di masjid-masjid utama dan terpilih di seluruh Sabah yang menampakkan keindahan seni kaligrafi Arab yang menarik dari segi jenis dan bentuk yang berbeza. Sebanyak 50 buah masjid di seluruh Sabah menjadi tempat kajian ini iaitu Bahagian Pantai Barat Sabah, Bahagian Kudat, Bahagian Sandakan, Bahagian Tawau, dan Bahagian Pedalaman. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk pemerhatian dan penilaian foto visual yang dirakam di lapangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan jenis-jenis khat yang terdapat di masjid-masjid di Sabah. Dapatkan kajian menunjukkan Khat Thuluth menguasai hampir keseluruhan masjid di Sabah iaitu (86%), Khat Dīwānī/ Dīwānī Jalī (8%), Khat Nasakh dan Khat Kūfī masing-masing (4%). Manakala jenis-jenis khat yang lain hanya sebagai tambahan sahaja. Selain itu, terdapat juga khat tambahan seperti khat Riq'ah/Ruq'ah dan Khat Fārisī. Hasil Kajian ini dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat Islam di Sabah tentang jenis-jenis kaligrafi Arab yang menghiasi masjid-masjid di Sabah.